

Ekstremisme Agama dalam Gerakan Islamic State of Iraq dan Syria (ISIS): Satu Analisis terhadap Akhbar The Star

NORHAFEZAH YUSOF
MOHD HANIFF IMRAN GHAZALI
ROSNA AWANG HASHIM
MOHD AZIZUDDIN MOHD SANI
SYARIZAN DALIB
ROMLAH RAMLI
AMRITA KAUR
Universiti Utara Malaysia

NORHASLIZA YUSOF
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji berita mengenai isu-isu golongan ekstremisme dari sudut gerakan *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) dalam akhbar berbahasa Inggeris iaitu *The Star* sepanjang tempoh dua tahun, bermula dari Januari 2015 hingga Disember 2016. Ekstremisme agama merupakan isu penting dalam menangani perpaduan dan keselamatan sesebuah negara. Globalisasi telah mengangkat ekstremisme agama ke skala yang lebih besar. Dalam konteks kajian ini, organisasi ekstremisme seperti ISIS dilihat sebagai satu ancaman buat sesebuah negara kerana terdapat pelbagai kes tragik menggemparkan dunia yang dikaitkan dengan kumpulan ini. Terdapat kajian yang meneroka ekstremisme agama di Malaysia tetapi tidak secara khusus dalam bidang komunikasi. Justeru, kajian ini meneroka isu ekstremisme agama dalam media cetak di Malaysia. Secara khususnya, terdapat dua objektif utama kajian iaitu: i) mengenal pasti tema-tema berita berkenaan ekstremisme, dan ii) mengenal pasti arah berita yang disiarkan. Menggunakan kaedah analisa kandungan, sebanyak 40 berita telah dianalisis. Dapatan kajian mendapati terdapat 13 isu yang berteraskan tiga tema. Majoriti berita yang melaporkan mengenai ISIS adalah ke arah negatif. Kajian ini menyumbang kepada implikasi sosial mengenai kepentingan pemahaman tema dan arah berita ekstremisme agama di Malaysia yang mempunyai impak global. Kajian ini merupakan kajian yang meneroka mengenai isu berkaitan golongan ekstremisme dalam akhbar Bahasa Inggeris yang mempunyai sirkulasi tertinggi di Malaysia.

Kata kunci: *Ekstremisme, isis, akhbar, komunikasi, agama.*

Religious Extremism in the Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) Movement: An Analysis of The Star Newspaper

ABSTRACT

The study aims to investigate the issues of extremism of the *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) movement in the English-language newspaper, *The Star*, over a two-year period from January 2015 to

December 2016. Religious extremism is an important issue in dealing with the unity and security of a nation. Globalization has raised religious extremism to a larger scale. In the context of this study, an extremist organization such as ISIS is seen as a threat to a country as there are various tragic cases in the world that are associated with this group. There are studies exploring religious extremism in Malaysia but not specifically in the field of communication. Thus, this study explores the issue of religious extremism in the print media in Malaysia. Specifically, there are two objectives of the study: i) identifying news themes of extremism and, ii) identifying the direction of the news. Using content analysis method, 40 news stories have been analyzed. The findings revealed 13 issues that were derived from 3 main themes. The majority of news reporting on ISIS was negative. This study contributes to social implications on the importance of understanding the theme and direction of news about religious extremism in Malaysia that has a global impact. This is an exploratory study on the issue of extremism in the English newspaper that has the highest circulation in Malaysia.

Keywords: *Extremism, ISIS, newspaper, communication, religion.*

PENGENALAN

Ekstremisme agama merupakan isu penting dalam menangani perpaduan dan keselamatan sesebuah negara. Ini adalah kerana kebanyakan agama utama di dunia iaitu Kristian, Yahudi, Hindu, Sikh, Islam dan Buddha mempunyai sejarah hitam dalam konteks ekstremisme agama (Juergensmeyer, 2017). Globalisasi telah mengangkat ekstremisme agama ke skala yang lebih besar. Menurut Rapoport (2004) terdapat empat tahap dalam keganasan moden. Tahap tersebut boleh digambarkan secara kronologi. Tiga gelombang pertama adalah bermotivasikan politik iaitu, penciptaan doktrin, determinisme kebangsaan dan internasionalisme. Walau bagaimanapun, gelombang keempat adalah bermotivasikan agama. Pada masa ini, contoh yang terkenal untuk tahap keempat ialah ISIS.

Dalam konteks kajian ini, organisasi ekstremisme seperti ISIS dilihat sebagai satu ancaman buat sesebuah negara kerana terdapat pelbagai kes tragik menggemparkan dunia yang dikaitkan dengan kumpulan ini seperti kes pengeboman di tempat awam, perbuatan meletupkan diri sendiri yang membahayakan nyawa orang lain, penganiayaan mental dan fizikal terhadap golongan yang tidak sehaluan dan, pengrekrutan golongan kanak-kanak dan belia yang masih muda (Gorawantschy, Gunaratna, Sarmah & Rueppel, 2016). Pada hakikatnya, golongan ekstremis ini tidak menggambarkan kemuliaan agama Islam kerana Islam merupakan agama yang menegakkan kebenaran dan mencegah perbuatan yang berbentuk keganasan.

Secara asasnya, ekstremisme dapat ditakrifkan sebagai satu golongan pelampau yang bersandarkan kepada fahaman ideologi tertentu dan mengancam orang lain sekiranya ideologi mereka bertentangan dengan fahaman ideologi kumpulan tersebut (Horgan, 2005). Kajian ekstremisme agama dan media dalam konteks Malaysia adalah masih kurang. Kajian El Zein (2017) mengfokuskan kepada perkaitan ekstremisme dan media yang berlaku di Australia. Kajian ekstremisme yang lain terarah kepada politik (Yaacob et al., 2015), krisis selatan Thailand (Kasim, Mohd Sani, Ismail & Masri, 2015), Malaysia dan Indonesia (Dafrizal, Ibrahim, Kee, & Ahmad, 2013) keselamatan (El-Muhammady, 2016) dan ketamadunan Asia (Weintraub, 2017).

Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji berita tentang isu-isu mengenai golongan ekstremisme dari sudut gerakan ISIS dalam akhbar berbahasa Inggeris iaitu *The Star* sepanjang

tempoh dua tahun iaitu bermula dari Januari 2015 hingga Disember 2016. Secara khususnya, terdapat dua objektif utama kajian iaitu: 1) mengenal pasti tema-tema berita berkenaan ekstremisme, dan 2) mengenal pasti arah berita yang disiarkan.

KAJIAN LITERATUR

Ekstremisme: Definisi dan Asal-Usul

Ekstremisme yang berteraskan agama merujuk kepada kesesatan agama yang disebabkan oleh ideologi-ideologi politik tertentu. Hal tersebut boleh ditafsirkan sebagai berlakunya serpihan dalam agama yang membawa kepada perpecahan dalam beragama. Hal ini dijelaskan oleh Nikhil Kanade (2016) yang mengatakan bahawa politik dan agama dicampur adukkan dengan menggunakan istilah *jihad* kepada konteks yang tertentu sehingga membawa kepada peperangan dan penaklukan. Oleh itu, hal ini jelas menunjukkan bahawa golongan ekstremis menggunakan nama Islam itu sendiri untuk menghalalkan perancangan dan perbuatan mereka. Menurut Sihabuddin Afroni (2016), kewujudan ekstremisme bukanlah sesuatu yang baharu, malah ia telah menjadi fenomena sejak dahulu lagi, ekstremisme ini merujuk kepada kecenderungan sikap yang berlebih-lebihan, mengamalkan ajaran agama yang kolot, keras dan telah wujud sebelum kedatangan Islam.

Berbalik kepada asal-usul kewujudan golongan ekstremis ini, ianya bermula daripada satu gerakan. Pada masa kini, gerakan tersebut dikenali sebagai ISIS. Menurut Fernando Tambunan (2014), kewujudan gerakan ISIS ini berasal daripada *Al-Qaeda* yang merupakan satu kumpulan gerakan yang bersifat agresif dan ekstremis yang memiliki pemikiran dan pemahaman yang bersifat radikal. Dari sudut komunikasi, pemikiran radikal berjaya bila disampaikan melalui komunikasi secara publik. Oleh itu, apabila seorang pemimpin menyampaikan kefahaman radikal ini kepada penyokongnya, mereka mudah menerima kefahaman tersebut kerana radikal bererti menginginkan perubahan walaupun dengan menggunakan kekerasan. Menurut Elmira Akhmetova (2015), golongan pelampau atau kumpulan militan ISIS ini bertanggungjawab terhadap banyak kes kekejaman sehingga melanggar prinsip-prinsip teras dalam Islam dan kemanusiaan. Menurut Dina Al Raffie (2013), organisasi seperti al-Qaeda bertanggungjawab dalam merekrut dan menerapkan fahaman radikal terhadap pengikutnya.

Faktor-Faktor Ekstremisme

Di negara Malaysia, faktor agama telah digunakan oleh golongan ekstremis untuk mempengaruhi masyarakat sejak tahun 1967 dengan kemunculan Tentera *Sabilullah* (El-Muhammady, 2016). Berkonsepkan jihad, pengamal ekstremisme senantiasia mencuba untuk mempengaruhi masyarakat terutamanya golongan belia agar bersimpati dan terpengaruh dengan falsafah dan perjuangan kumpulan radikal ini. Ekstremisme yang muncul akibat kepesatan globalisasi merupakan gejala umum di dunia Islam, termasuk Malaysia. Perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia telah muncul seawal bermulanya Dinasti *Umayyah*. Dalam konteks ketamadunan dunia moden, fenomena ini telah wujud akibat percaturan politik dan ekonomi global (Stern & Berger, 2015). Dalam kajian yang dibuat oleh *Pew Research Center*, sebanyak 45% penduduk Malaysia tidak menyokong tindakan Amerika Syarikat terhadap ISIS (Wike, Stokes & Poshter, 2015). Hal ini menunjukkan wujudnya bukti gerakan yang menyokong

ISIS secara tidak langsung, walaupun ada antaranya tidak menyokong tindakan Amerika Syarikat disebabkan negara tersebut banyak memerangi negara Islam di Timur Tengah seperti Iraq, Yemen dan Palestin.

Pengaruh media merupakan pengaruh yang paling kuat yang memudahkan kefahaman ini menular di komuniti maya. Menurut Alazzany (2008), setelah kejadian 9/11 di Amerika Syarikat berlaku, majoriti berita yang dikeluarkan oleh *New York Times* yang berfokuskan kumpulan Muslim di Amerika Syarikat tidak menekankan perbezaan di antara kumpulan sederhana (*moderate*) dengan kumpulan ekstremis. Perkara ini memberi ruang kepada pembaca akhbar tersebut untuk menginterpretasi informasi mengenai kumpulan Muslim lebih kepada kumpulan ekstremisme. Teknologi dan keganasan adalah satu fenomena yang terbaharu. Dengan kemunculan media baru seperti *Facebook*, *Twitter*, *Blogspot*, dan sebagainya, golongan ekstremisme mengambil kesempatan untuk menyebarkan fahaman dan ideologi mereka dengan cepat dan pantas (Mahan & Griset, 2013).

Menurut Greene (2015), penganas menyedari kesan dan impak media terhadap matlamat mereka, dan mengubah tindakan mereka untuk memberi kesan kepada perubahan politik. Gerakan ekstermisme ini menular dengan begitu pesat dengan menggunakan kuasa media sebagai medium untuk menyebarkan fahaman ekstremisme. Menurut Hasimi Muhamad (2016), sekurang-kurangnya 500 akaun *Facebook* yang dikenal pasti menjalankan aktiviti mempromosi, merekrut serta cubaan untuk menggalakkan rakyat Malaysia untuk berjuang di Syria. Kegiatan melalui media sosial merupakan cara mereka menyampaikan dakwah yang boleh memesongkan akidah. Walaupun pendidikan masa kini semakin berkembang disebabkan kepesatan media, namun dalam masa yang sama media juga turut menyumbang kepada unsur-unsur negatif (Wan Hamat, Hussin, Mohamed Yusoff & Sapar, 2013).

Menurut Khamdan (2015), kumpulan penganas militan ini menggunakan teknologi media dan maklumat, baik cetak mahupun elektronik sebagai salah satu strategi perjuangan selain dari mengumpul pendapatan hasil dari media tersebut. Menurut Campbell (2015), gerakan ISIS telah menggunakan media sosial secara maksimum dalam mempengaruhi masyarakat Muslim di Amerika Syarikat.

Pendidikan juga merupakan salah satu jalan untuk gerakan ekstremis ini menyebarkan dakwah mereka terhadap belia. Hal ini turut dinyatakan oleh Mohd Nasir (2011), bahawa kebanyakan gerakan ini menganggap bahawa sistem pendidikan sudah rosak kerana ia tidak berbentuk spiritual dan didikan moral. Menurut Mohd Noor (2015), gerakan-gerakan ekstremis yang dijalankan oleh ISIS ini menyasarkan pusat-pusat pengajian Islam dan institusi tahfiz, dan mahu menjadikan pusat pendidikan berkenaan sebagai tempat menyebarkan dakwah tersebut. Mereka menggunakan istilah jihad dalam modul pengajian mereka yang dikatakan tidak seiring dengan konsep jihad yang sebenarnya. Menurut Nur Rosidah (2012) dalam artikelnya bertajuk '*Fundamentalisme Agama*', beliau menerangkan bahawa golongan 'fundamental' mengambil satu tindakan yang ekstrem dengan cara mengambil beberapa potongan ayat al-Quran secara umum tanpa melakukan kajian menyeluruh tentang sebab dan punca ayat-ayat tersebut diturunkan. Hal tersebut secara tidak langsung boleh menyebabkan berlakunya kekerasan dan keganasan yang melibatkan nyawa orang awam.

Komunikasi Pemujukan dalam Agama

Komunikasi pemujukan ditakrifkan sebagai segala bentuk mesej yang tujuannya adalah untuk membentuk, mengukuhkan, atau menukar pendapat orang lain (Adler & Rodman, 2003). Secara umumnya pemujukan ialah aktiviti komunikasi yang dilakukan oleh seseorang yang berperanan dalam menjadi menjadi orang tengah untuk menghantar mesej bagi menarik minat orang lain. Komunikasi pemujukan boleh disasarkan kepada kognitif iaitu mengubah kepercayaan individu terhadap objek, isu, pandangan, interpretasi dan sebagainya. Komunikasi pemujukan juga boleh disasarkan kepada sikap iaitu untuk mengubah sikap individu ke arah yang lebih baik dari negatif ke arah positif. Namun begitu, dalam kajian ini, pengkaji mengkaji aspek pemujukan ini dari sudut agama yang memfokuskan golongan ekstremis yang menggunakan agama atas dasar-dasar tertentu.

Media merupakan alat propaganda yang berpengaruh dalam menyebarkan dakwah pemujukan berkenaan ekstremis kepada golongan belia (Stern & Berger, 2015). Pemujukan dengan menggunakan medium seperti media sosial membantu mereka menyebarkan ideologi kerana medium ini bersifat global. Menurut Omar (2014), media sosial merupakan medium terkini dalam usaha untuk menyampaikan mesej dakwah kerana medium ini bersifat merentasi sempadan dan impaknya bukan kepada orang Islam sahaja malah segenap lapisan bangsa. Oleh itu, tidak hairanlah jika kumpulan militan seperti ISIS menggunakan strategi pemujukan melalui media untuk menarik perhatian golongan belia. Di Malaysia, masyarakat Islam khususnya banyak bergantung kepada media cetak seperti akhbar dalam memahami ilmu-ilmu berkaitan dengan Islam (Mohamad Abu Bakar & Rofie, 2004). Kerajaan perlu memantau dakwah dan ideologi yang disebarkan melalui media cetak oleh kumpulan ISIS ini supaya masyarakat tidak terpengaruh dengan ideologi yang dibawa.

Teori Penentuan Agenda

Dalam kajian ini, Teori Penentuan Agenda telah dipilih sebagai teori yang menyokong kajian yang dilakukan. Teori ini dipelopori oleh Walter Lipmann di mana beliau melihat media berperanan dalam menentukan pemikiran manusia. Sememangnya teori ini berkait rapat dengan media kerana teori ini mengandaikan media mampu mempengaruhi pendapat atau pandangan masyarakat yang menggunakan media (Norhuda & Dzuriah, 2015). Keupayaan media dalam mengemukakan isu-isu penting kepada khalayak membolehkan masyarakat menerima perkara yang disampaikan oleh media. Penekanan berita yang disiarkan oleh media membolehkan masyarakat menilai berita tersebut penting kepada mereka (Vilashini, Azizah, Mohd Yahya & Azliana, 2010). Shaw dan McCombs (1977), berpendapat bahawa perkara yang disampaikan oleh media berupaya menjadi tumpuan masyarakat dan seterusnya mempengaruhi cara pemikiran masyarakat dalam melihat kepentingan sesuatu isu yang dipaparkan.

Media dianggap sebagai *gatekeeper* atau pengampang maklumat kepada masyarakat. Hal ini melihat media berupaya membuat keputusan dalam menyiarkan berita kepada masyarakat. Isu yang dikeluarkan menjadi penting berdasarkan kekerapan isu tersebut disiarkan. Perkara ini menunjukkan bahawa media berupaya mengawal segala berita dan

menentukan jenis berita kepada khalayak (Norhuda & Dzuriah, 2015). Pengguna media hanya menerima maklumat dan media mempunyai kuasa dalam mempengaruhi masyarakat berfikir (Chan, 1991).

Berdasarkan analisis kandungan yang dibuat melalui akhbar *The Star*, kekerapan berita mengenai ekstremisme agama telah menjadi kebimbangan seluruh masyarakat di Malaysia. Penularan gejala tersebut boleh mengancam keselamatan negara dan global. *The Star* sering kali memaparkan penglibatan individu dalam gejala ini yang mempengaruhi orang ramai untuk terlibat dalam kumpulan mereka. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa media berperanan dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat untuk memikirkan tentang perkara yang disampaikan. Justeru, media memainkan peranan yang penting dalam menentukan jenis berita untuk disiarkan kepada masyarakat.

Menurut Vilashini, Azizah, Mohd Yahya dan Azliana (2010), mereka melihat media berjaya membentuk pemikiran pembaca dan berupaya mempengaruhi pemikiran masyarakat. Tidak dinafikan akhbar harian bertindak sebagai penyumbang berita yang besar kepada masyarakat. Kajian mereka telah menggunakan Teori Penentuan Agenda untuk menilai kandungan berita tentang pelbagai isu di Indonesia melalui akhbar tempatan di Malaysia iaitu *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian*. Teori ini digunakan untuk menilai hubungkait antara isu yang disiarkan melalui media cetak dan kecenderungan akhbar tempatan menggunakan agensi antarabangsa untuk mendapatkan berita dari luar negara khususnya di Indonesia. Justeru, teori ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu untuk menilai isu-isu ekstremisme agama yang berlaku di Malaysia melalui akhbar tempatan, *The Star*.

Elaboration Likelihood Model (ELM)

Teori pemujukan *Model Elaboration Likelihood* (ELM) telah dipilih untuk menyokong Teori Penentuan Agenda. Teori ini dibangunkan oleh Petty dan Cacioppo (1986) dan Priester, Wegener, Petty dan Fabrigar (1999), dalam memahami proses pemujukan yang berlaku di dalam akhbar mengenai ekstremisme agama dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan model ini, terdapat dua jenis proses pemujukan iaitu *Central* dan *Peripheral*. Kedua-dua proses tersebut adalah berkesan untuk memujuk audien berubah sikap dan tingkahlaku, tetapi ianya berlaku dalam dua konteks atau situasi yang berbeza. Proses *Central* berlaku apabila individu berada pada tahap penglibatan kognitif yang tinggi dengan pemikiran dan pengetahuan yang tinggi mengenai sesuatu isu. Di peringkat ini, audien memerlukan data-data dan maklumat yang statistik dan hujah-hujah yang disokong oleh bukti yang kukuh. Proses *Peripheral* pula berlaku apabila individu berada pada tahap penglibatan kognitif yang rendah, tahap penglibatan afektif yang tinggi disertai dengan tahap pemikiran dan pengetahuan yang kurang. Audien dalam pendekatan ini dianggap mudah terpengaruh tanpa memerlukan data-data dan maklumat yang kukuh untuk menyokong (Suraini, Hasrina & Bahiyah, 2014).

Menurut Moyer-Guse dan Nabi (2010), tindak balas yang tinggi sama ada kognitif atau afektif oleh audien akan merendahkan tahap niat atau keinginan mereka untuk cenderung ke arah perubahan tingkah laku. Sementara tindak balas yang rendah pula akan meningkatkan niat atau keinginan pembaca tersebut untuk mengubah tingkah laku. Kedua-dua proses ini memberi kelebihan tersendiri berdasarkan personaliti individu yang menerima mesej.

Terdapat satu kajian yang telah dijalankan oleh Suraini, Hasrina dan Bahiyah (2014) mengenai '*Kesan drama hiburan-didik dan dokumentari dalam mempengaruhi niat untuk menderma organ: Satu eksperimen yang berteraskan ELM*' dalam dua bentuk saluran media. Hasil kajian mereka mendapati penonton berjaya membentuk perubahan niat untuk menderma organ melalui proses pemujukan yang dijalankan. Oleh itu, model ini berupaya mempengaruhi masyarakat melalui media massa ataupun media cetak untuk mengubah niat dan tingkah mereka melalui proses pemujukan. Model ini dapat menyokong sesuatu kajian mengenai pemujukan dalam menyampaikan maklumat dan kebarangkalian pembaca akan berjaya dipengaruhi mengenai isu ekstremisme agama yang disiarkan sama ada di media cetak mahupun media elektronik.

Perkaitan antara Teori Penentuan Agenda dan Elaboration Likelihood Model (ELM)

Dalam kajian ini, Teori Penentuan Agenda dan ELM telah dipilih. Teori Penentuan Agenda digunakan untuk melihat bagaimana pembaca menentukan berita yang disampaikan oleh media. ELM telah dipilih untuk menilai proses pemujukan yang berlaku apabila pengguna media menggunakan media. Akhbar *The Star* telah dipilih sebagai media dalam kajian ini. Isu yang ditekankan adalah isu yang berkaitan dengan ekstremisme agama. Di Malaysia, isu ini telah memberi kerisauan kepada semua pihak terutamanya kerajaan. Gejala ini semakin hari semakin menular dalam kalangan masyarakat. *The Star* dilihat kerap menyiarkan berita yang berkaitan isu tersebut menyebabkan isu ini dianggap penting kepada masyarakat. Media masih mempunyai pengaruh yang kuat dalam mempengaruhi pemikiran pembaca (Chang et al., 2017; El Zein, 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan yang berteraskan pendekatan kualitatif.

Kaedah Analisis Kandungan

Kaedah analisis kandungan merupakan salah satu kaedah kualitatif yang digunakan oleh para pengkaji dalam usaha mendapatkan data dan hasil. Menurut Feeney (2014), kaedah analisis kandungan ini merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan oleh pengkaji untuk menentukan, mengukur, dan menganalisis bahan dan makna teks. Selain itu, menurut Kamarul (2012), keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi merupakan salah satu elemen penting dalam kaedah kualitatif ini yang digunakan oleh kebanyakan para pengkaji.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih kaedah ini kerana ingin mengkaji akhbar *The Star* dari segi tema dan arah berita yang digunakan dalam memaparkan berita berkenaan ekstremis yang melibatkan gerakan ISIS. Borang kod telah disediakan oleh pengkaji dalam usaha untuk menganalisis keseluruhan akhbar *The Star* iaitu sebanyak 40 artikel akhbar.

Persampelan

Dalam kajian yang berkenaan ekstremis dalam ISIS, persampelan dilakukan terhadap akhbar terpilih. Media yang dipilih untuk dijadikan sampel kajian ialah media cetak iaitu akhbar

berbahasa Inggeris. Akhbar berbahasa Inggeris yang dipilih tersebut ialah *The Star*. Akhbar *The Star* ini dipilih berdasarkan *rating* jualan yang tinggi dari segi akhbar berbahasa Inggeris yang dijual di Malaysia. Menurut kajian yang dilakukan oleh *Audit Bureau of Circulation Malaysia* (2016), akhbar *The Star* mempunyai jumlah penjualan akhbar tertinggi untuk akhbar harian berbahasa Inggeris di Malaysia dan menjadikan akhbar ini akhbar berbahasa Inggeris paling popular.

Kajian ini lebih terarah kepada apa yang dipaparkan oleh *The Star* berkenaan ekstremisme dalam gerakan ISIS. Paparan berita tersebut dikelaskan mengikut tema-tema dan arah berita. Pengkaji telah mengambil kesemua populasi kajian (*The Star*) daripada bulan Januari 2015 hingga bulan Disember 2016. Jumlah keseluruhan masa yang dikaji ialah selama 2 tahun.

Instrumen Kajian

Instrumen yang diaplikasikan dalam penyelidikan kajian ini ialah media cetak iaitu akhbar. Sebanyak 40 bahan berita dari akhbar *The Star* berkenaan tajuk ekstremisme agama dalam gerakan ISIS telah dipilih. Kriteria yang ditetapkan untuk tujuan kajian ini adalah berita yang berkenaan ekstremisme, ISIS dan kejadian di Malaysia.

Kandungan yang perlu ada untuk menganalisis berita *The Star* selama dua tahun bermula dari bulan Januari 2015 sehingga Disember 2016 ialah:

1. Tajuk Artikel
2. Kata kunci/ Isu
3. Arah Berita
4. Tema
5. No. kod tajuk artikel

Dalam kerangka jadual tersebut juga, pengkaji perlu membuat pengkategorian terhadap arah berita. Kategori arah berita tersebut ialah:

1. Paparan positif berita
2. Paparan yang berbentuk neutral
3. Paparan negatif berita

Pengkategorian Analisis

Kategori Kekerapan Berdasarkan Isu-Isu

Kajian telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk mengenalpasti isi kandungan yang terdapat dalam akhbar *The Star*. Oleh hal yang demikian, isu-isu perlu dikenalpasti terlebih dahulu oleh pengkaji supaya pengkaji dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang kekerapan isu-isu terbabit. Setelah penelitian dibuat oleh pengkaji terhadap 40 artikel akhbar *The Star*, pengkaji mendapati terdapat 13 isu yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* berkenaan tajuk ekstremisme agama gerakan ISIS. Ketiga belas isu tersebut ialah:

1. Penahanan Suspek ISIS
2. Keselamatan
3. Kerjasama Antarabangsa

4. Ancaman Pengganas
5. Pengeboman
6. Pemberontakan
7. Pengaruh Persekitaran
8. Kempen
9. Penglibatan dalam ISIS
10. Pendidikan
11. Penyebaran Ideologi
12. Penyeludupan
13. Media Sosial

Kategori Tema-Tema

Terdapat tiga tema yang dikenalpasti setelah menganalisis akhbar *The Star* sepanjang tempoh 2 tahun keluaran berita tersebut iaitu bermula Januari 2015 hingga Disember 2016. Tema-tema tersebut ialah:

1. Sosial
2. Politik
3. Teknologi

Sosial

Sosial ialah bermaksud sebarang aktiviti yang berkaitan kemasyarakatan. Manusia merupakan makhluk sosial kerana manusia saling memerlukan antara satu sama lain walaupun melakukan sekecil-kecil perkara namun tetap memerlukan bantuan daripada orang lain. Persekitaran sosial manusia meliputi persekitaran yang melibatkan hubungan sosial, dan persekitaran budaya yang wujudnya kumpulan manusia yang saling berfungsi dan berinteraksi (Barnett & Casper, 2001).

Dalam konteks kajian, setelah membuat analisis akhbar *The Star* sepanjang tempoh dua tahun keluaran akhbar tersebut bermula Januari 2015 sehingga Disember 2016, pengkaji telah memilih tema sosial kerana sepanjang analisis akhbar tersebut, terdapat beberapa 'keywords' yang memberi gambaran kehidupan sosial masyarakat dalam konteks ekstremis. Antara contoh sub-tema sosial yang dikenalpasti dalam akhbar *The Star* berkenaan ekstremis agama dalam gerakan ISIS ialah pendidikan, pengaruh persekitaran, penyebaran ideologi, penglibatan belia, kempen, penyeludupan, dan penglibatan dalam ISIS. Sub-tema sosial yang paling banyak direkodkan ialah penyebaran ideologi. Oleh itu, dalam masalah yang melibatkan ekstremis agama, masalah yang utama yang perlu diberi perhatian khususnya ialah penglibatan golongan belia yang mudah terpengaruh dengan ideologi IS.

Politik

Apabila menyentuh tentang soal politik, perkara yang sering berlegar di pemikiran kebanyakan masyarakat ialah institusi pemerintah iaitu kerajaan. Namun begitu, definisi politik itu sendiri mempunyai makna yang luas dan tidak hanya berkisar tentang pemerintahan sahaja. Politik juga boleh menggambarkan tentang strategi-strategi kerajaan, bagaimana kerajaan menguruskan hal-hal pentadbiran dalam negara dan sebagainya.

Setelah menganalisis tema dan sub-tema kesemua 40 berita dalam akhbar *The Star*, tema politik merupakan tema yang paling banyak dikenalpasti dan direkodkan. Daripada keseluruhan 40 akhbar *The Star* yang membincangkan tentang masalah ekstremisme di Malaysia, sebanyak 20 subtema yang mencerminkan tema politik telah direkodkan. Antara contoh subtema politik yang direkodkan setelah menganalisis akhbar *The Star* berkenaan ekstremis agama dalam gerakan ISIS ialah kerjasama antarabangsa, keselamatan, penahanan suspek ISIS dan sebagainya. Subtema keselamatan termasuk dalam tema politik kerana laporan akhbar tersebut menjelaskan bagaimana peranan kerajaan dalam membanteras kegiatan ISIS di Malaysia. Sebagai contoh dalam laporan akhbar *The Star* bertajuk '*Sabah receiving more firepower to boost security*' yang dikeluarkan pada 12 September 2016, laporan tersebut menjelaskan tentang inisiatif kerajaan menyediakan lebih banyak senjata api dalam usaha meningkatkan keselamatan di Sabah.

Teknologi

Zaman yang serba mencabar ini memerlukan penciptaan teknologi yang canggih seiring dengan peredaran masa. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika teknologi semakin berkembang dari semasa ke semasa. Menurut Adnan dan Kamaliah (2000), perkembangan teknologi dan komunikasi telah menyebabkan manusia bijak mengurus dan menjalani kehidupan seharian. Hal ini berlaku kerana apabila wujudnya teknologi seperti jaringan internet maka implikasinya ialah percambahan media sosial. Terdapat tema berkaitan teknologi telah dikenalpasti oleh pengkaji setelah meneliti 40 laporan akhbar berkenaan ekstremisme agama ini.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah menemui beberapa sub-tema yang menjurus kepada tema teknologi. Sebagai contohnya, dalam satu laporan akhbar *The Star* bertarikh 18 November 2015, laporan tersebut ada menerangkan tentang penggunaan media sosial untuk menjalankan kempen atas talian dalam usaha untuk membanteras gejala ISIS. Oleh itu, sub-tema yang digunakan untuk menggambarkan tema teknologi ialah media sosial. Hal ini turut disokong oleh Mahan dan Griset (2013), yang menjelaskan bahawa proses penyampaian maklumat terutamanya berbentuk ekstremisme semakin mudah melalui kecanggihan teknologi yang semakin berkembang pesat pada abad ke-21.

Kategori Arah Berita

Arah berita turut dikaji oleh pengkaji untuk melihat arah pemberitaan yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* berdasarkan tajuk pengkaji. Kategori arah berita tersebut terbahagi kepada tiga (3), iaitu:

Berita Positif

Arah berita positif ditakrifkan sebagai laporan berita yang menjurus kepada arah kebaikan tidak kira dari segi kerjasama politik, penyatupaduan sistem sosial, atau media sosial yang membawa kemajuan kepada masyarakat.

Berita Negatif

Arah berita negatif dapat dimaksudkan sebagai arah berita yang memaparkan tentang keadaan negara dari perspektif yang negatif. Sebagai contoh, berlakunya rusuhan, kadar jenayah meningkat, pemberontakan, dan sebagainya yang memberi kesan negatif terhadap masyarakat dan juga negara.

Berita Neutral

Arah berita neutral ditakrifkan sebagai arah berita yang memaparkan tentang perkara negatif dan positif dalam satu laporan yang sama. Sebagai contoh, di sebalik punca berlakunya peningkatan kadar jenayah terdapat juga langkah-langkah untuk mengatasinya.

Pengekodaan

Kaedah analisis kandungan memerlukan pengkodaan yang terperinci dan sistematik. Secara umumnya, proses pengkodaan merupakan proses yang sangat penting dalam menganalisis data kualitatif yang melibatkan proses mentafsir data. Sebanyak 40 artikel akhbar berbahasa Inggeris iaitu *The Star* telah dianalisis dari segi tema dan arah berita. Penganalisan tersebut dilakukan sepanjang penerbitan akhbar dalam tempoh keluaran bermula Januari 2015 sehingga Disember 2016. Segala laporan daripada akhbar tersebut telah diperincikan dan dianalisis untuk mendapatkan tema dan juga sub-tema. Arah berita juga direkodkan oleh pengkaji. Dalam borang tersebut, terdapat dua (2) perkara utama yang ingin dianalisis iaitu tema dan juga arah berita.

Setelah pengkaji selesai membuat pengkodaan, pengkaji telah memberikan borang pengkodaan kepada dua (2) orang jurukod untuk tujuan pengkodaan. Pengkaji juga menyediakan satu panduan borang pengkodaan kepada dua (2) orang jurukod tersebut sebelum mereka memulakan tujuan pengkodaan. Dalam panduan borang pengkodaan berita tersebut, pengkaji telah menyenaraikan tema-tema, isu-isu, arah berita supaya dua (2) orang jurukod tersebut membuat pengkodaan dengan mudah.

Tujuan pengkodaan dibuat antara pengkaji dan jurukod adalah untuk memastikan tahap kesahan dan kebolehpercayaan menjadi tinggi. Setelah proses pengkodaan dijalankan, langkah seterusnya yang perlu dilakukan oleh pengkaji ialah menjalankan ujian ke atas kesahihan pengkodaan. Pada peringkat ini, hasil penganalisan akan dikira dengan tujuan untuk mendapatkan kolerasi antara kedua-dua penganalisan tersebut. Formula ujian Holsti yang mana merupakan ujian pengkodaan akan digunakan oleh pengkaji. Menurut Wimmer dan Dominick (2013), formula ujian Holsti ialah seperti berikut:

$$\frac{CR = 2 (M)}{(C1 + C2)}$$

CR = Kebolehpercayaan

M = Jumlah pengkodaan yang dipersetujui oleh kedua-dua jurukod

C1 = Jumlah pengkodaan oleh jurukod pertama

C2 = Jumlah pengkodaan oleh jurukod kedua

Tujuan ujian ini dilakukan adalah untuk memastikan adanya pembuatan keputusan oleh jurukod berkenaan isu kandungan sesuatu berita. Kolerasi rho Spearman dijadikan asas bagi mendapatkan kesahihan kajian. Sekiranya nilai R rendah daripada 0.75, hal ini bermaksud wujudnya banyak percanggahan pentafsiran kategori isu kandungan berita dalam kalangan jurukod.

Sebanyak 40 item berita telah dikenal pasti yang diambil dari akhbar *The Star*. Secara kesimpulannya, sebanyak 40 item berita dijadikan sampel oleh pengkaji. Tujuan penggunaan sampel tersebut adalah untuk praujian dengan kaedah yang lebih sistematik. Jadual 1 menunjukkan hasil praujian pengekodan yang diperolehi oleh pengkaji.

Jadual 1: Pra Ujian Pengekodan

Pemboleh Ubah	Formula $CR = \frac{2(M)}{C1 + C2}$	Tingkat Kepercayaan (%)
1. Arah Berita	$CR = \frac{2(35)}{40 + 40} = 0.88$	88
2. Isu/ Kata Kunci	$CR = \frac{2(34)}{40 + 40} = 0.85$	85
3. Tema	$CR = \frac{2(35)}{40 + 40} = 0.85$	88

Kaedah Analisis Data

Dalam konteks kajian yang menggunakan kaedah analisis kandungan ini, perkara pertama yang dilakukan ialah mencari akhbar *The Star* secara atas talian yang melaporkan berita berkenaan ekstremisme agama dalam gerakan ISIS sepanjang tempoh dua tahun keluar berita tersebut iaitu bermula dari Januari 2015 sehingga Disember 2016. Untuk mengakses berita tersebut, pelbagai kata kunci digunakan untuk mendapatkan laporan berita yang dikehendaki seperti 'ekstremisme agama', 'Daesh', 'Islamic State', Malaysia dan semua perkataan yang relevan dengan ISIS dan Malaysia yang menggambarkan ekstremisme yang berlaku di Malaysia. Setelah pencarian dilakukan, sebanyak 40 laporan berita telah dipilih berdasarkan tajuk ekstremisme agama. Setelah mengumpul kesemua 40 laporan akhbar *The Star*, langkah seterusnya yang dilakukan oleh pengkaji ialah dengan menentukan tema dan juga sub-tema berdasarkan setiap satu laporan akhbar tersebut. Terdapat tiga tema yang dikenal pasti setelah menganalisis 40 laporan akhbar tersebut iaitu tema berkenaan sosial, politik, dan juga teknologi.

Kerangka jadual pengekodan dibentuk untuk mengetahui arah berita, tema-tema, isu-isu berkaitan 40 laporan akhbar *The Star* tersebut. Arah berita melibatkan berita dari sudut positif, negatif, dan juga neutral. Oleh hal yang demikian, pengkaji meneliti setiap satu laporan akhbar dan mencari kata kunci yang menunjukkan laporan tersebut berbentuk positif, negatif, ataupun neutral. Setelah pengkaji menilai kesemua arah berita laporan akhbar tersebut, proses seterusnya ialah penilaian tentang kesahan dan kebolehpercayaan arah berita yang telah pun dihasilkan oleh pengkaji. Untuk melihat kesahan arah berita yang dibuat, pengkaji telah meminta dua orang penganalisis untuk menilai dan menyemak semula arah berita yang dibina.

Kedua penganalisis atau jurukod memiliki ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Sosial. Mereka adalah pembaca kepada surat khabar yang dipilih dan memahami konteks skop kajian.

Prosesnya adalah dengan cara memberi bahan yang sama iaitu laporan akhbar tersebut kepada dua orang penganalisis untuk mengkaji kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Setelah analisa dilakukan oleh dua jurukod tersebut, kajian tersebut akan direkodkan bagi mengelakkan sebarang masalah berlaku.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Isu-Isu

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pola pembentukan isu-isu telah dihasilkan meliputi tiga belas (13) isu iaitu, penahanan suspek ISIS, keselamatan, kerjasama antarabangsa, ancaman pengganas, pengeboman, pemberontakan, pengaruh persekitaran, kempen, penglibatan dalam ISIS, pendidikan, penyebaran ideologi, penyeludupan dan media sosial. Pemilihan isu-isu ini bersesuaian dengan teori penentuan agenda yang diaplikasikan dalam kajian ini bagi mencari penerangan secara terperinci mengenai cara olahan sesuatu isu yang dipilih. Kajian ni menyokong pendapat Littlejohn (2002) yang menyatakan peranan Teori Penentuan Agenda oleh akhbar membantu dalam proses pembentukan isu sebelum gabungan isu-isu yang dipilih menjadi satu tema yang sebenar untuk membentuk pemikiran pembaca. ELM juga turut digunakan untuk menyokong proses pemujukan menerusi akhbar bercetak. Dalam model ini, terdapat dua komponen penting iaitu Kognitif dan Afektif. Dua komponen ini berlaku hasil tindak balas berdasarkan penerimaan maklumat dan cenderung untuk memahami maksud yang disampaikan menerusi mesej tersebut. Komponen Kognitif adalah merujuk kepada tindak balas pembaca untuk berfikir kandungan maklumat yang diterima dan komponen Afektif adalah tindak balas emosi yang akan dihasilkan (Dillard & Shen, 2005). Oleh itu, setiap kajian haruslah membentuk isu berita supaya pembaca dapat membentuk persepsi terhadap maklumat yang dibaca.

Tema-Tema

Terdapat tiga tema utama yang penting hasil daripada analisis akhbar yang dibuat oleh pengkaji iaitu tema politik, sosial, dan teknologi. Tema-tema ini ditentukan setelah pengkaji membaca laporan akhbar *The Star*. Tema yang paling mendapat liputan tertinggi oleh akhbar *The Star* ialah tema politik. Dalam tema ini telah dihuraikan sub-tema yang disifatkan sebagai signifikan dengan tema politik. Antara sub-tema di bawah tema politik ialah penahanan suspek ISIS, keselamatan, kerjasama antarabangsa, ancaman pengganas, pengeboman, dan pemberontakan. Tema politik merupakan tema utama sepanjang analisis berita ini dibuat kerana tema politik ini melibatkan perbincangan mengenai sistem pemerintahan negara secara keseluruhannya dan ianya meliputi pentadbiran negara dari segi keselamatan. Selain itu, paparan berita mengenai tema politik sering diberi perhatian oleh akhbar *The Star* kerana isu ekstremis ini secara umumnya amat berkait rapat dengan politik.

Tema politik merupakan tema yang paling kerap dinyatakan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana tema politik ini amat berkait rapat dengan isu ekstremis agama. Tema politik merupakan satu tema yang membincangkan tentang hal ehwal negara dari segi pentadbiran,

undang-undang, dan segala isu yang melibatkan sistem pemerintahan negara. Penyataan petikan berita berikut merupakan contoh tema politik:

Malaysia and the United States have agreed to work closely together to make this region safe with President Barack Obama and Datuk Seri Najib Tun Razak sharing similar views on combating violence and terrorism (US and Malaysia to work together to combat extremism in the region, November 2015).

Tema sosial pula merujuk kepada persekitaran masyarakat yang dipengaruhi oleh gerakan ekstremisme. Hasil analisis mendapati tema sosial ini merujuk kepada penyebaran fahaman terhadap golongan-golongan tertentu seperti belia misalnya. Selain itu, pendidikan juga termasuk dalam tema sosial kerana masyarakat dipengaruhi oleh ideologi ekstremis melalui sistem pendidikan. Hal ini dibuktikan melalui penyataan petikan berita seperti berikut:

They should explain to the public that an involvement in mass murder is not jihad or martyrdom, it is a major sin," said Dr. Zamihan, who previously had also advised the Government must revise the curriculum for Islamic Studies and Moral Education subjects in schools, as part of its fight against terrorism-linked activities (Books related to terrorism widely available, September 2016).

Seterusnya, tema teknologi merujuk kepada segala bentuk teknologi pada masa kini yang digunakan oleh pihak tertentu dalam usaha untuk mencapai kepentingan pihak tertentu tersebut. Hanya terdapat satu isu sahaja di bawah tema teknologi iaitu berkaitan media sosial. Hasil analisis ini dibuktikan dengan penyataan petikan berita seperti berikut:

Earlier during a question and answer session with the university's students and faculty, Khalil said most of IS militants were recruited through social media ('Digital Hub is up and running', November 2016).

Othman said the department was aware that the new media, with its ability to spread information fast and without control, had allowed certain parties to spread their ideologies and thinking to confuse the people, including on the issue of jihad (Jakim in all-out war against IS, April 2015).

Antara ketiga-tiga tema berikut, tema yang paling menonjol ialah tema politik, kedua menonjol ialah tema sosial, dan yang terakhir sekali ialah tema teknologi. Tema politik merupakan tema yang paling menonjol dengan peratus kekerapan sebanyak 50 peratus bersamaan dengan (20) bahan berita yang dipaparkan oleh *The Star*. Dari segi perbandingan isu-isu, isu yang paling menonjol di bawah tema politik ialah isu keselamatan. Peratus kekerapan bagi isu keselamatan adalah sebanyak 17.5 peratus (7) bahan berita yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* (rujuk Jadual 2).

Selain itu, tema sosial merupakan tema kedua paling menonjol dengan peratus kekerapan sebanyak 40 peratus (16) bahan berita yang dipaparkan oleh akhbar *The Star*. Dari segi perbandingan isu-isu, isu yang paling menonjol di bawah tema sosial ialah isu penyebaran ideologi. Isu penyebaran ideologi merupakan isu yang paling menonjol dengan peratus kekerapan isu ini adalah sebanyak 12.5 peratus (5) bahan berita yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* (rujuk Jadual 2).

Tema yang paling rendah dari segi liputan oleh akhbar *The Star* ialah tema teknologi. Terdapat satu sahaja isu di bawah tema teknologi iaitu isu media sosial. Oleh hal yang demikian, penyumbang kepada peratus kekerapan bagi tema teknologi ialah isu media sosial iaitu sebanyak 10 peratus (4) item berita yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* (rujuk Jadual 2).

Jadual 2: Jumlah Kekerapan Isu-Isu Secara Keseluruhan

Isu-Isu	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Tema: Politik		
1. Keselamatan	7	17.5
2. Penahanan Suspek ISIS	5	12.5
3. Kerjasama Antarabangsa	3	7.5
4. Ancaman Penganas	3	7.5
5. Pemberontakan	1	2.5
6. Pengeboman	1	2.5
Tema: Sosial		
1. Penyebaran Ideologi	5	12.5
2. Penglibatan Dalam ISIS	4	10
3. Pendidikan	3	7.5
4. Pengaruh Persekitaran	2	5
5. Penyeludupan	1	2.5
6. Kempen	1	2.5
Tema: Teknologi		
1. Media Sosial	4	10
Jumlah	40	100

Tema yang diutarakan iaitu politik, sosial dan teknologi adalah bersesuaian dengan faktor yang menyumbang kepada populariti gerakan ISIS. Stern dan Berger (2015) menyatakan bahawa faktor geo-politik telah menyumbang kepada pembentukan ISIS dan seterusnya menyebarkan pengaruh gerakan tersebut ke peringkat global. Justeru, ini bertepatan dengan dapatan kajian yang menunjukkan tema politik paling kerap diutarakan dalam akhbar, *The Star*. Tema sosial juga penting kerana ia mempunyai implikasi jangka masa panjang contohnya dalam bidang pendidikan (Mohd Nasir, 2011). Isu teknologi pula adalah antara yang menonjol

disebabkan oleh penggunaan media sosial yang optimum oleh gerakan ISIS (Mahan & Griset, 2013).

Arah Berita

Salah satu objektif hasil kajian ini ialah untuk mengenal pasti arah berita berkenaan tajuk pengkaji. Oleh hal yang demikian, terdapat (3) kategori diberi untuk mengenal pasti arah berita liputan akhbar *The Star*. Tiga kategori tersebut ialah arah berita positif, arah berita negatif dan arah berita neutral.

Jadual 3 menunjukkan hasil kajian bagi jumlah kekerapan arah berita secara keseluruhan oleh akhbar *The Star*. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kategori arah berita sering diberi liputan oleh akhbar *The Star* lebih bersifat negatif iaitu sebanyak 40 peratus (16) bahan berita. Hal ini disebabkan oleh akhbar *The Star* banyak melaporkan tentang gerakan ISIS yang membuat kekecohan di negara Malaysia dari pelbagai sudut. Sebagai contoh, golongan ekstremis ini menyebarkan ideologi mereka terhadap golongan belia melalui pelbagai jenis medium seperti pendidikan mahupun media sosial.

Kategori arah berita positif dan kategori arah berita neutral mempunyai kadar peratus kekerapan yang sama iaitu sebanyak 30 peratus (12) item berita. Dari sudut arah berita positif, akhbar *The Star* memberi laporan tentang langkah-langkah yang diambil dalam usaha membanteras gejala ekstremis. Contohnya, langkah yang diambil oleh kerajaan dengan cara bekerjasama di peringkat antarabangsa. Kerjasama tersebut melibatkan negara Malaysia dan negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan Arab Saudi.

Kategori arah berita neutral pula dilaporkan oleh *The Star* sebanyak 30 peratus (12) bahan berita. Laporan akhbar *The Star* memaparkan tentang bahaya ekstremis dan dalam masa yang sama wujudnya langkah-langkah untuk menanganinya. Sebagai contoh, akhbar *The Star* melaporkan tentang suspek yang terlibat dalam kumpulan militan. Namun begitu, dalam laporan tersebut turut memaparkan tentang kejayaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menangkap beberapa orang yang terlibat dengan gerakan IS.

Secara rumusannya, kategori arah berita yang paling banyak mendapat liputan oleh akhbar *The Star* ialah kategori arah berita negatif iaitu sebanyak 40 peratus (16) bahan berita. Jadual 3 memerihalkan jumlah kekerapan arah berita secara keseluruhannya. Pelaporan arah berita negatif ini adalah rasional kerana akhbar *The Star* merupakan akhbar yang terarah kepada sokongan terhadap polisi kerajaan Malaysia yang menentang ekstremisme dalam agama. Dapatan ini memberi impak yang negatif kepada gerakan ISIS dalam konteks penyebaran maklumat positif mengenai perjuangan mereka. Ini bertepatan dengan pandangan Khamdan (2015), Campbell (2015) dan Stern and Berger (2015) yang menyatakan bahawa ISIS telah memilih untuk mengoptimalkan penggunaan media sosial seperti *Twitter* berbanding media cetak untuk mempengaruhi individu dan masyarakat untuk bersimpati dengan perjuangan mereka.

Jadual 3: Jumlah Kekerapan Arah Berita Secara Keseluruhan

Arah Berita	Kekerapan (f)	Peratus (%)
1. Positif	12	30
2. Negatif	16	40
3. Neutral	12	30
Jumlah	40	100

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi Terhadap Teori

Berdasarkan hasil kajian, Teori Penentuan Agenda dan ELM adalah relevan dan menepati kehendak kajian dalam mengkaji tema, isu dan arah berita. Hal ini kerana penggunaan Teori Penentuan Agenda dapat menjelaskan secara terperinci untuk mendapatkan data kajian yang lengkap sekaligus menepati objektif kajian untuk menganalisis pembentukan tema, isu dan arah berita berdasarkan kandungan berita daripada keratan akhbar *The Star*. ELM digunakan bagi menyokong Teori Penentuan Agenda di mana untuk menilai unsur pemujukan yang berlaku apabila membaca maklumat yang disiarkan secara naratif dalam akhbar tersebut. Penggunaan kedua-dua teori ini mampu membuatkan pembaca berfikir tentang perkara yang terkandung sehingga boleh mempengaruhi persepsi pembaca berdasarkan pemahaman mereka.

Implikasi Terhadap Pengamal

Pihak media merupakan organisasi yang terlibat dalam menentukan arah berita sesuatu laporan berkenaan ekstremisme agama. Dalam konteks ini, akhbar *The Star* memaparkan berita yang kurang menarik minat perhatian pembaca. Sebagai contoh, terdapat unsur ulangan berita dalam akhbar *The Star*. Sebagai contoh, satu tajuk berita dalam akhbar *The Star* iaitu '*Police rubbish list of supposed targets in KL, PJ*' telah diulang isi kandungan berita dalam laporan sebelumnya iaitu '*Police deny threat of attacks in PJ and KL*'. Hal ini secara tidak langsung membuatkan pembaca merasa jemu dengan bahan bacaan yang dipaparkan. Namun begitu, hal tersebut memberi manfaat kepada pengkaji dari segi menambahkan jumlah sampel berita.

Selain itu, organisasi media *The Star* perlu lebih banyak mengeluarkan artikel berita yang memaparkan tentang situasi bagaimana individu tertentu terpengaruh dengan gerakan ekstremis. Hal ini secara tidak langsung memberi imaginasi kepada pembaca tentang situasi sebenar bagaimana seseorang itu terlibat dalam gerakan ISIS. Selain itu, organisasi media *The Star* perlu lebih banyak mengeluarkan berita tentang isu ini dalam konteks situasi yang berlaku di Malaysia. Hal ini demikian kerana, sepanjang analisis yang dibuat oleh pengkaji tentang isu ini, hanya 40 tajuk berita sahaja yang dapat dikenal pasti sepanjang tempoh dua (2) tahun. Oleh itu, hal ini menyebabkan pembaca kurang terdedah dengan isu ini jika melibatkan situasi yang berlaku di Malaysia. Hasil kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu organisasi media *The Star* dalam memberi pengetahuan dan input yang lebih banyak kepada pembaca.

CADANGAN

Cadangan Terhadap Penyelidikan Masa Hadapan

Setelah membuat analisis terhadap keseluruhan 40 berita dalam akhbar *The Star* tersebut, pengkaji ingin mencadangkan beberapa perkara. Pertama sekali, pengkaji ingin mencadangkan

untuk menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif jika pengkaji ingin menjalankan kajian ini pada masa hadapan. Pengkaji boleh melakukan kaedah tinjauan untuk mendapatkan maklumat daripada masyarakat umum tentang topik ekstremisme agama ini. Selain itu, kaedah temubual juga boleh digunakan untuk mendapatkan data-data penting tentang isu ini melalui pegawai-pegawai di institusi tertentu seperti PDRM, pejabat agama, dan kementerian-kementerian tertentu.

Selain itu, cadangan lain yang boleh dilakukan oleh pengkaji ialah dengan menggunakan medium lain selain daripada akhbar. Untuk melakukan sesuatu kajian yang bersifat 'global' ini, medium akhbar sahaja masih tidak mencukupi. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar penyelidikan tentang isu ini pada masa hadapan turut memikirkan tentang penggunaan medium lain seperti media sosial. Hal ini berkait rapat dengan gerakan ISIS ini yang menggunakan strategi di laman sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* untuk menyebarkan fahaman mereka. Oleh itu, kajian dengan menggunakan medium lain seperti media sosial amat penting untuk diimplementasikan pada masa hadapan. Selain itu, penyelidikan berkaitan isu ini di masa hadapan juga perlu menggunakan akhbar lain sebagai bahan kajian. Sebagai contoh, pengkaji di masa hadapan menggunakan akhbar seperti *The Star*, *New Straits Times (NST)*, *Berita Harian*, *Harian Metro*, dan sebagainya untuk tujuan penyelidikan di masa hadapan.

Seterusnya, tempoh untuk melakukan kajian ini perlulah dilanjutkan sekurang-kurangnya setahun memandangkan isu ini merupakan isu global. Hal ini kerana dalam tempoh setahun tersebut, pengkaji boleh mencari lebih banyak isu dalam akhbar *The Star* dalam tempoh lebih panjang. Sebagai contoh, pengkaji melakukan pencarian akhbar *The Star* berkenaan ekstremisme agama selama 5 tahun sepanjang keluaran akhbar tersebut. Lanjutan tempoh amat penting terutamanya kepada bidang komunikasi kerana bidang ini begitu luas dan dipengaruhi oleh konteks dan perubahan landskap komunikasi yang berlaku pada sesuatu masa.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, media cetak seperti akhbar *The Star* memainkan peranan yang penting dalam usaha memberi pengetahuan kepada masyarakat berkenaan ekstremisme agama dalam gerakan ISIS. Gerakan ISIS ini merupakan gerakan yang perlu diberi perhatian oleh masyarakat, dan paparan akhbar *The Star* berkenaan isu ini serba sedikit menimbulkan kesedaran terhadap bahaya ekstremisme.

Berdasarkan kajian yang dibuat, hasil kajian berkenaan isu-isu telah dijelaskan secara terperinci oleh pengkaji. Isu-isu ini dibina berdasarkan tema yang telah ditentukan oleh pengkaji. Dapatan menunjukkan bahawa isu yang paling menonjol yang dipaparkan oleh akhbar *The Star* ialah isu keselamatan. Oleh itu, kerajaan perlu meneliti hal yang melibatkan keselamatan supaya gejala ini dapat ditangani. Dalam konteks kajian ini, adalah penting untuk pihak media memberi pendedahan yang berterusan terhadap isu ISIS supaya masyarakat disedarkan mengenai taktik ISIS dalam memujuk masyarakat Islam terutamanya untuk menyertai kumpulan mereka.

Dari segi kategori tema pula, terdapat tiga (3) tema yang dibentuk berdasarkan gabungan isu-isu utama. Tema-tema yang terbentuk tersebut ialah tema politik, tema sosial, dan tema teknologi. Di bawah komponen tema ialah isu-isu yang dipaparkan oleh akhbar *The*

Star. Daripada keseluruhan tiga (3) tema tersebut, tema yang paling banyak mendapat liputan ialah tema politik. Tema politik merupakan tema yang paling dominan berbanding tema sosial dan teknologi kerana peratusan isu-isu di bawah tema ini adalah tinggi. Selain itu, tema politik merupakan tema yang paling menonjol kerana kecenderungan akhbar *The Star* dalam memaparkan isu ekstremisme agama dari sudut politik.

Arah berita juga menunjukkan perbezaan paparan berita yang dibawa oleh akhbar *The Star*. Terdapat tiga (3) arah berita yang dikaji iaitu arah berita positif, arah berita negatif dan arah berita neutral. Namun begitu, daripada ketiga-tiga arah berita tersebut, arah berita yang paling menonjol ialah arah berita yang bersifat negatif. Secara rumusannya, setelah kajian berkenaan isu ini telah dilakukan oleh pengkaji, hal ini jelas memaparkan kepada kita bahawa isu ekstremisme agama merupakan isu global yang boleh membawa bencana kepada rakyat Malaysia khususnya mereka yang masih di peringkat usia remaja.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada kajian FRGS yang bertajuk: *Constructing Predictive Persuasive Communication Model of Violent Extremist Youths in Malaysia*. Terima kasih diucapkan kepada Siti Zulaiha Mohd dan Farah Izzati Ridua'an dalam membantu proses penyediaan artikel ini.

BIODATA

Norhafezah Yusof, PhD, Profesor Madya di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Bidang penyelidikan beliau ialah komunikasi, budaya, agama dan pengurusan. Email: norhafezah@uum.edu.my

Mohd Haniff Imran Ghazali adalah pelajar di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Email: haniffhazard@yahoo.com

Rosna Awang Hashim, PhD, Profesor Psikologi Pendidikan di Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Email: rosna@uum.edu.my

Mohd Azizuddin Mohd Sani, PhD, Profesor Sains Politik di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Email: azizuddin@uum.edu.my

Syarizan Dalib, PhD, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Email: syarizan@uum.edu.my

Romlah Ramli, PhD, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia. Email: romlah@uum.edu.my

Amrita Kaur, PhD, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia. Email: amrita@uum.edu.my

Norhaslizay Yusof, PhD, Pensyarah Kanan di Jabatan Fizik, Fakulti Sains, Universiti Malaya. Kepakaran beliau adalah dalam bidang kaedah berangka dan komputeran astrofizik teori. Email: norhaslizay@um.edu.my

REFERENCES

- Adler, R. B., & Rodman, G. (2003). *Understanding human communication* (8th ed.). New York: Oxford University Press.
- Adnan H., & Kamaliah, H. S. (2000). Penggunaan teknologi komunikasi-informasi di kalangan ahli akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 16, 119-130.
- Afroni, S. (2015). Makna ghuluw dalam Islam: Benih ekstremisme beragama. *Jurnal Ilmiah Agama dan Sosial Budaya*, 1(1), 70-85. doi: <https://doi.org/10.15575/jw.v39i1.579>
- Akhmetova, E. (2015). Roundtable discussion on "Extremism, terrorism and Islam: Toward a better understanding of issues". *Islam and Civilisational Renewal*, 6(2), 1-2.
- Alazzany, M. A. O. A. (2008). *A critical discourse analysis of the representation of Islam and Muslims following the 9/11 events as reported in the New York Times* (Unpublished PhD thesis). Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Al Raffie, D. (2013). Social identity theory for investigating Islamic extremism in the diaspora. *Journal of Strategic Security*, 6(4), 67-91. doi: <https://doi.org/10.5038/1944-0472.6.4.4>
- Audit Bureau of Circulation Malaysia (2016). Latest audit reports: January to June 2016. Retrieved from <http://abcm.org.my/report/latest-audit-reports-january-to-june-2016/>
- Azizan, H. (2015, April 19). Jakim in all-out war against ISIS. *The Star*. Retrieved from <http://www.thestar.com.my/news/nation/2015/04/19/jakim-in-allout-war-against-is-dept-reaches-out-to-youths-to-battle-spread-of-terrorist-ideology/>
- Barnett, E., & Casper, M. (2001). A definition of "Social environment". *American Journal of Public Health*, 91(3), 465-465.
- Campbell, A. F. (2015, Disember 7). *How American Muslims counter ISIS 'Groomers'*. Retrieved from <https://www.theatlantic.com/politics/archive/2015/12/how-american-muslims-counter-isis-groomers/433566/>
- Chan, C. K. (1991). Penentu agenda: Sumber, media atau publik?. *Jurnal Komunikasi*, 47-54. Dicapai dari [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/1991/7\(5\).pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/1991/7(5).pdf)
- Chang, P. K., Salman, A., Kho, S. N., Mohd Yaakop, M. R., Adisa, R. M., & Ong, C. H. (2017). The agenda setting function of English newspapers during the 13th general election. *Malaysian Journal of Communication*, 33(2), 27-39.
- Crano, W. D. & Prislin, R. (2006). Attitudes and persuasion. *Journal of Annual Reviews Psychology*, 57, 345-374.
- Dafrizal, Ibrahim, F., Kee, C. P., & Ahmad, F. (2013). Trend pemberitaan isu keganasan dalam akhbar perdana Malaysia dan Indonesia. *Malaysian Journal of Communication*, 29(2), 189-202.
- Dillard, J. P. & Shen, L. (2005). On the nature of reactance and its role in persuasive health communication. *Communication Monographs*, 72(2), 144-168.
- El-Muhammady, A. (2016). Countering the threats of daesh in Malaysia. In B. Gorawantschy, R. Gunaratna, M. Sarmah, & P. Rueppel (Eds.), *Countering Daesh extremism: European and Asian responses* (pp. 105-122). Singapore: Konrad Adenauer Stiftung.
- El Zein, H. (2017). The antagonist and protagonist approaches of televising extremism and terrorism. *Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 98-114.

- Feeney, M. (2014). Understanding news researchers through a content analysis of dissertations and theses. *Qualitative and Quantitative Methods in Libraries*, 1, 263 – 270.
- Gorawantschy, B., Gunaratna, R., Sarmah, M & Rueppel, P. (Eds.). (2016). *Countering Daesh extremism: European and Asian responses*. Singapore: Konrad Adenauer Stiftung.
- Greene, K. J. (2015). ISIS: Trends in terrorist media and propaganda. *International Studies Capstone Research Papers Paper 3*. Ohio, United States: Cedarville University.
- Hogan, J. (2005). *The psychology of terrorism*. London: Routledge.
- Juergensmeyer, M. (2017) *Terror in the mind of God: The global rise of religious violence* (4th ed.). California: University of California Press.
- Kamarul, A. J. (2012). *Penyelidikan kualitatif dalam Sains Sosial*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kanade, N. (2016). *Tracing Islamic extremist ideologies: The historical journey of jihad form the late antique period to the 21st century* (Unpublished Senior Thesis, Claremont Colleges, California, LA).
- Kasim, A., Mohd Sani, M. A., Ismail. A., & Masri. A. Z. (2015). Peningkatan berita krisis Selatan Thailand dalam aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi - Malaysian Journal of Communication*, 3(1), 27-40.
- Khamdan, M. (2015). Rethinking deradikalisasi: Konstruksi bina damai penanganan terorisme. *ADDIN: Media Dialektika Ilmu Islam*, 9(1), 181-204.
- Littlejohn, S. W. (2002). *Theories of human communication* (7th ed.). Belmont: Wadsworth.
- Mahan, S., & Griset, P. L. (2013). *Terrorism in perspective* (3rd ed.). London: Sage.
- Mohamad, B., Abu Bakar, H. & Hj Rofie, M. K. (2004). Imej Islam di media cetak: Analisis kandungan akhbar mingguan di Malaysia. *The Malaysian Journal of Language and Communication*, 1, 79-98.
- Mohd Nasir, B. (2011). The influence of Middle East Islamic movement on the extremist thought in Malaysia. *International Journal for Historical Studies*, 3(1), 31-46.
- Mohd Noor, M. R. (2015). *Ektremisme rentas agama dan tamadun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Moyer-Guse, E., & Nabi, R. L. (2010). Explaining the narrative in an entertainment television program: Overcoming resistance to persuasion. *Human Communication Research*, 36, 26-52.
- Muhamad, H. (2016, 19 Januari). Kanak-kanak Malaysia direkrut jadi pejuang ISIS-Awasi anak anda. *MalaysianDigest.Com*. Diperoleh daripada <http://www.malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/590508-kanak-kanak-direkrut-jadi-pejuang-isis-awasi-anak-anda.html>
- Norhuda, S., & Dzuriah, I. (2015). Teori penentuan agenda dan pemilihan berita buruh kanak-kanak: Satu kajian rintis dalam akhbar terpilih di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Borneo Edisi Khas*, 13-28. Diperoleh daripada file:///C:/USER/ Downloads/edisi-khas-2%20(2).pdf
- Nur Rosidah. (2012). Fundamentalism agama. *Walisongo: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 20(1), 1-24.
- Omar, F. I. (2014). *Penerimaan media sosial sebagai medium dakwah dalam kalangan mahasiswa KUIS*. Bangi: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

- Petty, R. E., & Cacioppo, J. T. (1986). *Communication and persuasion: Central and peripheral routes to attitude change*. New York, NY: Springer-Verlag.
- Priester, J., Wegener, D., Petty, R. E., & Fabrigar, L. (1999). Examining the psychological process underlying the sleeper effect: The elaboration likelihood model explanation. *Media Psychology*, 1, 27-48. Retrieved from <https://msbfile03.usc.edu/digitalmeasures/priester/intellcont/1999-MEDIA-PriesterWegenerPettyFabrigar-1.pdf>
- Rapoport, D. C. (2004). Modern terror: The four waves. In S. Mahan & P. L. Griset (Eds.), *Terrorism in perspective* (3rd ed.) (pp. 111-127). Thousand Oak, CA: Sage Publications.
- Shaw, D., & McCombs, M. (1977). *The emergence of American political issues: The agenda setting function of the press*. US: West Pub. Co.
- Stern, J., & Berger, J. M. (2015). *ISIS: The state of terror*. London: WilliamCollins.
- Suraini, G., Hasrina, M., & Bahiyah, O. (2014). Kesan drama hiburan-didik dan dokumentari dalam mempengaruhi niat untuk menderma organ: Satu eksperimen berteraskan model elaboration likelihood. *Jurnal Komunikasi*, 30(2), 1-20. Diperoleh daripada http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2014/V30_2_1.pdf
- Tambunan, F. P. M. (2014). *Sejarah dan Ideologi ISIS (Islamic State of Iraq and Sham)*, (Unpublished master thesis, Universitas Indonesia, Jakarta).
- The Star*. (2016, September 10). Books related to terrorism widely available. Retrieved from <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/09/10/books-related-to-terrorism-widely-available/>
- The Star*. (2016, November 25). Digital Hub is up and running. Retrieved from <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/11/25/digital-hub-is-up-and-running-igp-centre-to-combat-terrorism-is-operational/>
- Vilashini, S., Azizah, H., Mohd Yahya, M. A., & Azliana, A. A. (2010). Liputan berita tentang Indonesia di Malaysia: Analisis kandungan Utusan Malaysia dan Berita Harian. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 53-67. Diperoleh daripada http://jpmmm.um.edu.my/filebank/articles/2725/JPMM2010_No2_FinalVilashiniSomiah.pdf
- Wan Hamat, W. N., Hussin, Z., Mohamed Yusoff, A. F., & Sapar, A. A. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 17-27.
- Weintraub, J. (2017). *Factors influencing the movement of Southeast Asian fighters to ISIS: A comparison of Indonesia and Malaysia* (Unpublished master thesis, Cornell University, New York).
- Wike, R., Stokes, B., & Poshter, J. (2015). *Global publics back U.S. on fighting ISIS, but are critical of post-9/11 torture*. Washington, DC: Pew Research Centre.
- Yaakob, C. M. A., Mohd Sani, M. A., Mat, B., Ahmad, F., Omar, R. M. & Yusoff, K. Z. (2015). *Laporan kajian pengaruh The Islamic State of Iraq and Syria (ISIS): Kajian potensi penerimaan dan penolakan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Semenanjung Malaysia* (Unpublished research report). Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Zulfakar, M., Ahmad, R., Anis, M. A., Shagar, L. K., ... Albakri D. (2015, November 21). US and Malaysia to work together to combat extremism in the region. *The Star*. Retrieved from <https://www.thestar.com.my/news/nation/2015/11/21/joining-hands-to-fight-terror-us-and-msia-to-work-together-to-combat-extremism-in-the-region/>